

Sambut baik keputusan SKVE

TELOK PANGLIMA GARANG - Keputusan untuk menarik semula pelaksanaan tambah nilai minimum RM30 Touch 'n Go di lorong tambah nilai tol Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE) yang sepatutnya bermula kelmarin, disambut baik semua kepimpinan di daerah Kuala Langat.

Ahli Parlimen Kuala Langat, Datuk Abdullah Sani Hamid berkata, keputusan menarik semula pelaksanaan itu adalah sangat wajar.

Menurutnya, pada asalnya caj minimum yang dikenakan itu sebenarnya tidak masuk akal kerana memberi beban kepada pengguna jalan raya terutama pengguna dari daerah Kuala Langat.

"Bila saya dengar pihak SKVE tak akan laksanakan, ia sebenarnya satu langkah mendengar rintihan rakyat yang sebenarnya sudah mula mempersoalkan isu tersebut," katanya mengulas kenyataan perkembangan yang disahkan Pengurus Besar Operasi



ABDULLAH SANI



SULAIMAN

dan Penyelenggaraan SKVE, Zainal Alam Kamaruzzaman yang dilaporkan *Sinar Harian*, semalam.

Sementara itu, Pengerusi Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karil berkata, beliau turut menerima maklum balas yang baik daripada masyarakat mengenai langkah menarik semula pelaksanaan tambah nilai minimum

RM30 untuk Touch 'n Go mulai 1 Mac tersebut.

Katanya, beliau turut berasa sejak langkah pelaksanaan itu mula tular di laman sosial, pelbagai pihak membantah berikutan tidak

bersetuju dengan tindakan itu.

"Saya tak nafikan pengguna dari daerah ini yang bekerja di Lembah Klang menggunakan perkhidmatan laluan tersebut dan jika caj minimum yang dikenakan itu perlu dipertimbangkan. Bila dah tarik semula, saya yakin rakyat dapat menikmati kemudahan itu dengan selesa tanpa meluahkan rasa tidak puas hati lagi," katanya.

Sebelum ini, pengurusan SKVE memaklumkan, langkah itu diambil bagi mengelak kesesakan lalu lintas di lorong tambah nilai di samping mendidik orang ramai menyedai wang secukupnya.

Peniaga takut naikkan harga, bimbang pelanggan lari

SIJANGKANG - "Pak cik rasa kalau gula naik 11 sen pak cik masih untung lagi untuk berbiaya air," demikian kata Azmi Zamri yang berbiaya gerai makanan ringan dan minuman di Gerai Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Taman Seri Medan, Kuala Langat.

Katanya, dia masih mahu mengekalkan harga minuman 50 sen sebungkus di gerainya kerana membantu pelanggannya menikmati minuman pada harga berpatutan.

Menurutnya, jika dia menaikkan harga minuman kepada 80 sen sekalipun dia beranggapan mungkin pelanggannya akan berkurangan disebabkan kos sara hidup hari ini.

"Selain pelanggan yang terdiri daripada masyarakat setempat, murid-murid sekolah antara sasaran pelanggan pak cik. Jadi, pak cik tak naklah bebankan anak-anak kecil ni nak beli air. Selain pak cik dapat untung sikit-sikit, mak bapa mereka pun mungkin tak rasa beban



Azmi sedang melayan sebahagian murid sekolah yang membeli air pada harga 50 sen sebungkus.

kalau anak mereka tak minta duit lebih," katanya yang sudah berbiaya menjual air sejak 25 tahun lalu di beberapa lokasi.

Azmi berkata, bagaimanapun dia turut ter-rasa ketika harga gula naik sehingga 30 sen beberapa tahun lepas.

"Bayangkan kenaikan itu sangat banyak dan memang rasa beban. Tapi, kenaikan gula yang difahamkan berlaku semalam (kelmarin), pak cik

rasa ia tak jejakan perniagaan. Macam mana pun pak cik masih jual air sebungkus dengan harga 50 sen, air batu campur (ABC) RM2 dan ice blended RM1.50. Pak cik tak terfikir nak naikkan harga lagi, malah kuantitinya juga pak cik kekalkan.

"Tapi pak cik tak tahulah kalau peniaga lain. Cumanya jujur pak cik cagak pak cik masih lagi untung jual air walaupun harga gula naik 11 sen seperti yang hangat diperkatakan," katanya.

TAMBAH NILAI RM30

HARGA GULA NAIK

Serius banteras kes samun

Penduduk disaran tingkat aspek keselamatan, jalin kerjasama dengan KRT dengan persatuan

SIJANGKANG - Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dengan kerjasama Persatuan Penduduk Taman Seri Medan akan mengedarkan pemberitahuan kepada 149 penduduk taman berkenaan mengenai pencegahan yang boleh dilakukan bagi mengelakkan kes samun.

Pengerusi KRT Taman Seri Medan, Fouji Mursidi berkata, beliau kecewa apabila berlaku kes samun sehingga melibatkan kecederaan serius terhadap penduduk di situ.

Menurutnya, tidak dinafikan sebelum ini kawasan perumahan itu sebelum ini aman dan tidak berlaku kes serius tetapi kejadian samun seperti kelmarin pernah juga berlaku tahun lalu melibatkan penduduk di sini.

"Saya bimbang jika setiap tahun kes samun bersenjatakan parang ini menjadi budaya dan jika tidak dibendung, ia semakin serius.

"Bagaimanapun, penduduk terutamanya suri rumah diharapkan mementingkan aspek keselamatan selain tidak memamerkan barangan kemas kerana ia menyumbang



Fouji sedang memberi penerangan kepada sebahagian ahli jawatan kuasanya di Balai Raya Taman Seri Medan.

kepada kes ragut," katanya ketika ditemui di Balai Raya Taman Seri Medan, semalam.

Fouji yang turut memegang jawatan Pengerusi Taman Seri Medan memaklumkan, perjumpaan bersama ahli-ahlinya akan dilakukan dalam masa terdekat bagi membincangkan isu berkenaan supaya tiada lagi kejadian tidak diingini berlaku.

Katanya, beliau yakin berita ini sebenarnya menjadikan penduduk trauma, namun berharap

mereka sentiasa bekerjasama dengan persatuan serta KRT dan tidak sewenang-wenangnya menuding jari menyalahkan kepada tugas dan fungsi mereka.

Seorang penduduk, Abdul Ghani Hitam, 57, berkata, dia sendiri pelik dengan kejadian samun yang berlaku apabila difahamkan jenayah itu seperti sudah dilakukan risikan awal apabila satu lagi kes samun bersenjata turut berlaku di sebuah lagi kawasan taman perumahan berhampiran.



Kedudukan kawasan taman perumahan mereka yang dilihat suryi.

Katanya, apa yang penting selepas ini penduduk perlu berwaspada dan memaklumkan kepada pihak berkuasa jika terserempak dengan aktiviti yang mencurigakan.

"Saya bimbang bila dah berlaku macam ni, penduduk bertambah risau. Mana tidaknya, kawasan taman ni pun sunyi bila waktu siang. Tapi saya tengok, kes samun pun dah tak berlaku malam hari, siang hari pun aktif dan berharap sangat pihak berkuasa dapat tingkatkan pemantauan

yang lebih menyeluruh," katanya.

Semalam, *Sinar Harian* melaporkan, polis giat memburu tiga suspek bersenjatakan parang yang terlibat dalam kes samun di Taman Seri Medan, Telok Panglima Garang.

Kejadian berlaku kira-kira jam 11.30 pagi itu apabila seorang mangsa ditetak di bahagian tangan selepas cuba menyelamatkan ibunya yang sedang bergelut dengan sekumpulan lelaki yang cuba menyamun.